

Meningkatkan Tahap Pembacaan Buku Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran Menggunakan Aktiviti Bacaan Pagi

Shanthy a/p Kanasan Mutty* , Nurul Hidayah binti Adnan

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka
*shanthikanasanmutty@gmail.com

ABSTRAK

Membaca ialah satu kemahiran yang sangat penting dalam pembelajaran. Membaca merupakan asas untuk menambah ilmu. Untuk meningkatkan tahap pembacaan dalam kalangan Murid Keperluan Pendidikan Khas (MBPK), murid perlu diberi ruang dan bahan untuk membaca. Amalan terbaik aktiviti Bacaan Pagi dilaksanakan untuk mengatasi masalah sikap kurang membaca dalam kalangan Murid Keperluan Pendidikan Khas Pendengaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka dan rekod bacaan yang rendah. Bacaan Pagi adalah satu aktiviti yang dijalankan pada setiap pagi hari persekolahan di tapak perhimpunan pada jam 7.15 pagi sehingga jam 7.35 pagi iaitu waktu sebelum murid-murid masuk ke kelas untuk sesi pembelajaran. Fokus aktiviti amalan ini adalah untuk melihat bagaimanakah MBPK Pendengaran dapat meningkatkan rekod bacaan program NILAM dengan aktiviti Bacaan Pagi. Kumpulan sasaran pelaksanaan aktiviti amalan adalah 10 orang MBPK Pendengaran dari tahap 2 kerana semua murid ini terlibat dalam program NILAM sekolah. Data yang dikumpul dalam pelaksanaan aktiviti amalan baik ini adalah menggunakan analisis kutipan data rekod bacaan dan pemerhatian. Dapatan data daripada aktiviti yang telah dijalankan menunjukkan pelaksanaan aktiviti Bacaan Pagi ini telah berjaya meningkatkan tahap pembacaan MBPK Pendengaran Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka dalam program NILAM. Aktiviti ini juga dapat membantu memupuk budaya membaca dalam kalangan murid serta membolehkan murid mencapai tahap bintang penarafan NILAM.

Kata kunci : Tahap pembacaan, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pendengaran, Bacaan pagi, NILAM

Pengenalan Amalan Terbaik

Amalan terbaik Bacaan Pagi ini bertujuan untuk mengatasi masalah sikap kurang membaca dalam kalangan Murid Keperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka dan meningkatkan rekod bacaan NILAM yang rendah. Membaca ialah satu kemahiran yang sangat penting dalam pembelajaran dan menjadi asas untuk menambah ilmu. Mengikut Adam & Amir (2014), budaya membaca masih lagi kurang diamalkan di sekolah rendah. Untuk meningkatkan tahap pembacaan dalam kalangan MBPK Pendengaran, murid memerlukan ruang masa dan bahan untuk membaca.

Program NILAM adalah satu usaha oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid. NILAM membawa maksud Nadi Ilmu Amalan Membaca. Matlamat Program NILAM juga adalah untuk melahirkan murid yang celik membaca iaitu dapat menguasai kemahiran membaca. Program ini ialah program pendidikan peringkat kebangsaan yang berterusan. Semua murid diwajibkan untuk mengikuti program ini sepanjang tahun sehingga mereka tamat persekolahan sekolah menengah sebagaimana yang diarahkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 yang bertarikh 22 Mei 1998. Setiap bacaan yang dilakukan oleh murid perlu direkodkan. Murid perlu dibimbing untuk merekodkan bacaan mereka dalam buku atau borang yang disediakan.

Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka perlu melaksanakan program NILAM dalam kalangan murid-muridnya. Pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh Pusat Sumber Sekolah untuk memupuk sikap membaca dalam kalangan murid MBPK. Aktiviti NILAM sekolah dijalankan oleh guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. Setiap minggu 30 minit daripada jadual Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diperuntukkan untuk membawa murid dalam kelas mereka ke perpustakaan untuk aktiviti NILAM. Namun begitu, sekiranya ada program sekolah atau panitia, aktiviti ini ditangguhkan. Oleh yang demikian, jumlah buku yang dibaca dan direkodkan oleh murid pada waktu NILAM adalah rendah. Dari pemerhatian dan analisis ini, pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijalankan (Nurul Hidayah et al, 2022)Salah satu aktiviti yang dilaksanakan adalah Bacaan Pagi. Bacaan Pagi diperkenalkan untuk memberi satu platform untuk murid membaca setiap pagi sebelum masuk ke kelas dan merekodkan bacaan mereka dalam borang yang disediakan.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Berdasarkan pemerhatian dan analisis pada rekod bacaan NILAM, menunjukkan bahawa rekod bacaan murid adalah rendah. Perkara ini disebabkan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mempunyai peruntukan masa yang terhad iaitu seminggu hanya tiga puluh minit sahaja. Selain daripada itu MBPK Pendengaran menghadapi cabaran untuk membaca disebabkan oleh ketidakupayaan pendengaran. Oleh itu budaya keinginan membaca juga kurang dalam kalangan murid-murid ini. Menurut Ahmad (2005), masalah kurang membaca adalah disebabkan oleh minat dan budaya yang tidak mengamalkan tabiat membaca dalam kehidupan harian.

Aktiviti Bacaan Pagi telah membentuk satu suasana membaca bersama rakan secara berterusan setiap pagi hari persekolahan. Amalan ini juga telah berjaya menanam satu budaya untuk membaca pada waktu pagi. dan meningkatkan rekod bacaan murid sepanjang tahun.

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini adalah seperti yang berikut :

1. Meningkatkan aktiviti membaca dalam kalangan MBPK Pendengaran SK Pendidikan Khas Melaka dan


2. Meningkatkan rekod bacaan NILAM MBPK Pendengaran SK Pendidikan Khas Melaka.


Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Amalan Terbaik yang diperkenalkan adalah aktiviti Bacaan Pagi. Aktiviti Bacaan Pagi ini dilaksanakan pada waktu pagi sebelum murid masuk ke kelas masing-masing. Dari pemerhatian ada beberapa murid MBPK tiba ke sekolah seawal pukul 7.00 pagi. Kelas bermula pada pukul 7.40 pagi. Oleh itu masa sekurang-kurangnya 20 minit digunakan untuk mengadakan aktiviti Bacaan Pagi ini sementara murid menunggu untuk beratur memasuki kelas. Semua murid MBPK dikehendaki berkumpul di ruang hadapan blok pentabiran sekolah pada waktu pagi. Oleh itu kesesuaian tempat dan masa ini dilihat sebagai peluang untuk digunakan oleh guru penyelaras NILAM dan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) untuk menjalankan aktiviti Bacaan Pagi.

Guru Penyelaras NILAM dan GPM telah menyediakan satu rak buku yang disusun dengan buku-buku cerita fiksi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Buku-buku ini bersesuaian dengan tahun dan tahap murid. Buku-buku itu disusun dengan rapi di dalam rak buku dan disimpan di sebuah bilik yang berdekatan. Bersama buku-buku tersebut juga diletakkan borang perekodan bacaan untuk murid merekodkan bacaan mereka. Aktiviti ini dijalankan setiap pagi hari persekolahan bermula pada hari Isnin sehingga hari Jumaat. Bilik itu dibuka oleh guru dan pengawas Pusat Sumber Sekolah membawa keluar rak buku itu dan menjemput murid yang berada di situ untuk mengambil sebuah buku untuk dibaca. Murid yang telah selesai membaca sebuah buku boleh juga membaca buku lain. Selepas membaca, murid akan merekodkan bacaan mereka dalam borang perekodan bacaan masing-masing. Murid dibantu oleh guru, pembantu pengurusan murid dan juga rakan mereka sendiri sekiranya memerlukan bimbingan. Pada masa ini juga murid boleh menceritakan kepada rakan mereka tentang cerita yang telah mereka baca. Selepas tamat sesi aktiviti ini, murid menyimpan semua buku cerita di atas rak dan pengawas Pusat Sumber Sekolah akan meletakkan semula rak buku di dalam bilik yang disediakan. Buku-buku cerita akan ditukarkan setiap bulan oleh GPM. Penyelaras NILAM akan mengumpulkan borang rekod bacaan dan mengisikan data NILAM secara berkala.






Rajah 1
Carta Aliran Aktiviti Bacaan Pagi





Rajah 1 menunjukkan carta aliran aktiviti Bacaan Pagi yang dijalankan setiap pagi. Murid hanya mengikut aliran aktiviti tersebut. GPM akan melatih pengawas Pusat Sumber Sekolah menjalankan aktiviti Bacaan Pagi mengikut aliran ini.

Rajah 2
Gambar Pelaksanaan Bacaan Pagi

BIL	AKTIVITI	PENERANGAN
1.		Murid memilih daripada rak buku
2.		Murid membaca buku yang diambil dari rak buku. Borang perekodan disediakan
3.		Murid membaca dengan tenang.
4.		Murid merekodkan bacaan buku dalam borang yang disediakan
5.		Murid melakukan aktiviti bacaan pagi bersama rakan.



Rajah 3 dan rajah 4 menunjukkan contoh borang perekodan bacaan NILAM. Murid perlu mengisi judul bahan, menandakan ciri-ciri bahan tersebut dan akhir sekali, aktiviti pengayaan yang dijalankan.

Rajah 3
Borang Perekodan Bacaan Nilam

BORANG REKOD BACAAN MURID

Nama: _____
 Kelas: _____
 Tahun: 2020

No	Judul	Ciri-ciri Bahan					Jumlah Bahan yang Dibaca	Aktiviti
		Bahan Bahasa Suku	Bahan Pictorial	Bahan Malar	Bahan Logik	Latihan Bahasa		
Jumlah								
Jumlah bahan dibaca								

Rajah 4
Contoh Catatan Rekod Bacaan NILAM

BORANG REKOD BACAAN MURID (Diuji oleh Murid)

Nama Sekolah: SK Pendidikan Khas Melaka
 Nama Murid: Fatin Nur Hafiqah Bt Abdurrahman
 Kelas: LANGSEK
 Tahun: 2020

No	Judul	Ciri-ciri Bahan					Jumlah Bahan yang Dibaca	Aktiviti
		Bahan Bahasa Suku	Bahan Pictorial	Bahan Malar	Bahan Logik	Latihan Bahasa		
26	Si Jelani	/	/	/	/	57	Pelan	
27	Nelayan Kelantan	/	/	/	/	14	Bermain Balok	
28	Malayu Pango	/	/	/	/	52	Gunan	
29	Ulat dan Kemala	/	/	/	/	58	Gunan	
30	Selaku dan Wangi	/	/	/	/	17	Pelajaran	
31	Kampung Melayu	/	/	/	/	16	Gunan	
32	Setelah	/	/	/	/	16	Gunan	
33	Calang	/	/	/	/	24	Gunan	
34	100 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	41	Gunan	
35	Chudhri	/	/	/	/	50	Gunan	
36	200 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	53	Gunan	
37	100 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
38	200 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
39	300 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
40	400 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
41	500 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
42	600 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
43	700 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
44	800 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
45	900 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
46	1000 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
47	1100 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
48	1200 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
49	1300 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
50	1400 Minit Sambil Bermain	/	/	/	/	17	Gunan	
Jumlah								
Jumlah bahan dibaca								

* 1 = Bahan Bahasa Suku, 2 = Bahan Pictorial, 3 = Bahan Malar, 4 = Bahan Logik, 5 = Latihan Bahasa
 * Jumlah bahan dibaca = Jumlah Bahan Bahasa Suku + Bahan Pictorial + Bahan Malar + Bahan Logik + Latihan Bahasa

Penarafan bintang NILAM adalah berdasarkan kutipan bacaan berbentuk kumulatif. Perekodan bermula ketika MBPK berada pada tahun satu sehingga tamat persekolahan sekolah menengah.. Penarafan bintang NILAM sekolah rendah diberi mengikut ketetapan berikut :

Rajah 5
Jadual Penarafan Bintang NILAM

PENARAFAN BINTANG	JUMLAH BAHAN BACAAN
Tiada bintang	0-143
1 bintang	144-287
2 bintang	288 -431
3 bintang	432 -575
4 bintang	576 -719
5 bintang	720 ke atas

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Rajah 6
Bacaan yang Direkodkan Pada Tahun 2019 dan 2020


BIL	MURID	2019	2020	Peningkatan peratus jumlah perekodan murid dari 2019 ke 2020.
1	Murid A	50	60	9.1
2	Murid B	51	82	23.3
3	Murid C	27	34	11.5
4	Murid D	45	170	58.1
5	Murid E	36	39	4.0
6	Murid F	24	142	71.1
7	Murid G	84	139	24.7
8	Murid H	82	128	21.9
9	Murid I	19	79	61.2
10	Murid J	15	102	74.4

Rekod bacaan NILAM menunjukkan peningkatan peratus pada setiap murid. Empat orang MBPK Pendengaran iaitu Murid D,F,I dan J menunjukkan peningkatan lebih daripada 50%. Tiga orang MBPK Pendengaran iaitu murid B, G dan H menunjukkan peningkatan lebih daripada 20 %, dan tiga orang MBPK Pendengaran iaitu murid A, C, dan E menunjukkan peningkatan kurang daripada 20%. Perkara ini memberikan satu impak bahawa tahap pembacaan murid MBPK telah meningkat ke tahap yang memuaskan. Dapatan ini menunjukkan ada peningkatan pada aktiviti membaca dalam kalangan murid MBPK Pendengaran SK Pendidikan Khas Melaka.

Rajah 7
Pencapaian Bintang NILAM

BIL	MURID	JUMLAH TERKUMPUL BACAAN PADA AKHIR 2019	BINTANG NILAM 2019	JUMLAH TERKUMPUL BACAAN PADA AKHIR 2020	BINTANG NILAM 2020
1	Murid A	345	2	405	2
2	Murid B	385	2	467	3
3	Murid C	119	Tiada	153	1
4	Murid D	142	1	312	2
5	Murid E	106	Tiada	175	1
6	Murid F	131	Tiada	273	1
7	Murid G	84	Tiada	223	1
8	Murid H	82	Tiada	191	1
9	Murid I	85	Tiada	164	1
10	Murid J	92	Tiada	194	1

Rajah 8
Graf Menunjukkan Peningkatan Penarafan Bintang NILAM dari Tahun 2019 ke Tahun 2020



Data perekodan kumulatif yang dianalisis bermula ketika MBPK Pendengaran berada pada kelas tahun satu sehingga kelas semasa pada tahun 2020. Perbandingan dibuat antara pencapaian bintang 2019 dengan pencapaian bintang 2020. Berdasarkan kepada rajah 8, analisis graf pencapaian bintang NILAM pada

tahun 2019 hanya tiga orang memperoleh bintang NILAM dan pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan yang signifikan dengan tujuh orang murid mendapat satu bintang berbanding pada tahun 2019, mereka masih tidak mencapai satu bintang. Dari graf ini juga menunjukkan iaitu murid B pada tahun 2020 telah memperoleh tiga bintang manakala murid A dan D memperoleh dua bintang. Secara keseluruhan ada peningkatan dalam perekodan bahan bacaan. Perkara ini menunjukkan dengan mempunyai budaya merekodkan setiap bacaan, MBPK dapat meningkatkan penarafan bintang NILAM.

Rumusan dan Cadangan

Aktiviti Bacaan Pagi ini telah memupuk satu budaya membaca dalam kalangan MBPK Pendengaran di SK Pendidikan Khas Melaka. Murid akan membaca buku sebelum masuk ke kelas. Bilangan murid membaca telah meningkat dan bilangan pencapaian bintang NILAM juga telah meningkat. Pada pertengahan tahun 2020 negara dilanda pandemik Covid-19 dan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan. Walaupun penutupan sekolah berlaku, analisis menunjukkan budaya membaca berterusan di rumah disebabkan oleh minat membaca MBPK Pendengaran. Jumlah rekod bacaan terus meningkat disebabkan MBPK Pendengaran terus mengakses rak buku maya Pusat Sumber Sekolah dan merekod bacaan secara atas talian. Dapatan ini menunjukkan bahawa budaya membaca yang dibentuk melalui amalan ini telah membawa satu perubahan positif kepada minat membaca dan telah menanam tabiat membaca di dalam diri MBPK Pendengaran.

Walaupun dalam pandemik Covid-19 murid dilarang mengadakan aktiviti di luar kelas namun budaya membaca terus dipupuk melalui bacaan dalam kelas dan aktiviti NILAM yang lain, dimana minat membaca dan rekod bacaan NILAM terus meningkat (Nurul Hidayah et al, 2022) Membaca telah menjadi amalan mereka. MBPK Pendengaran tidak lagi merasa sukar untuk membaca sama ada di rumah atau di sekolah. Selagi MBPK Pendengaran ada akses untuk mendapatkan bahan bacaan, murid akan membaca dan merekod bacaan mereka. Aktiviti Bacaan Pagi telah menjadikan bacaan itu amalan mereka. Pada mulanya murid menghadapi kesukaran untuk mengisi rekod bacaan mereka, tetapi lama kelamaan bila perekodan itu menjadi amalan harian, serta dibimbing oleh guru-guru, pembantu pengurusan murid, ibu bapa dan rakan-rakan, maka proses perekodan menjadi mudah untuk murid mengisi sama ada secara manual atau secara atas talian. Perkara ini adalah menyamai dapatan laporan kajian Penilaian Program NILAM 2004 terbitan Bahagian Teknologi Pendidikan, KPM (2005) dengan guru dan ibu bapa mengambil berat dalam pemantauan rekod bacaan Murid (Hui, 2015).

Amalan Bacaan Pagi ini telah membentuk satu landasan dengan murid berupaya merekod bacaan mereka. Murid berupaya mengisi butiran bahan bacaan mereka dalam borang yang disediakan. Murid berupaya membezakan antara bahasa, buku fiksi dan buku bukan fiksi. Murid juga berupaya mengetahui jenis-jenis bahan bacaan lain. Peningkatan penarafan bintang NILAM juga dapat dilaksanakan.

Persekitaran melakukan aktiviti bersama rakan juga memberi peluang untuk MBPK Pendengaran menceritakan bahan yang telah dibaca kepada rakan-rakan

mereka. Apabila mereka menceritakan kepada rakan-rakan mereka menggunakan bahasa isyarat, murid lain yang berada di sekeliling mereka juga dapat mengetahui tentang bahan bacaan tersebut.

Usaha Pusat Sumber Sekolah menjalankan pelbagai aktiviti NILAM, akhirnya pada tahun 2022 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Melaka telah berjaya menghasilkan seorang MBPK Pendengaran pencapai penarafan NILAM 5 bintang sebagai juara NILAM Perempuan Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan. Memupuk budaya membaca dalam kalangan MBPK Pendengaran perlu dilaksanakan secara amalan harian dan ini akan memupuk satu tabiat membaca yang berterusan.

Perancangan masa hadapan adalah untuk mewujudkan perkongsian bahan bacaan dalam satu inisiatif iaitu Rakan Pembaca Dunia Tanpa Sempadan. MBPK Pendengaran SK Pendidikan Khas Melaka secara atas talian dengan MBPK Pendengaran dari sekolah Pendidikan Khas dari negeri dan negara lain berkongsi ulasan bahan bacaan mereka. Kolaboratif ini akan mewujudkan satu platform berlakunya pembelajaran berkesan dengan pemikiran kritis dan kreatif menghasilkan komunikasi yang efektif dalam kalangan MBPK Pendengaran.

Rujukan

- Ahmad, I. (2005). Kesan program NILAM terhadap tabiat membaca menurut pandangan murid dan guru. [academia.edu](https://www.academia.edu/5006029/Kesan_program_nilam_terhadap_tabiat_membaca_menurut_pandangan_murid_dan_guru).
https://www.academia.edu/5006029/Kesan_program_nilam_terhadap_tabiat_membaca_menurut_pandangan_murid_dan_guru
- Bahagian Teknologi Pendidikan (2005). Laporan Kajian Penulisan Program NILAM 2004. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hui.g.l. (2015). Tahap Konsep Kendiri Membaca Pelajar Tingkatan Empat Yang Mengikuti Program NILAM. Google Scholar
https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=memupuk+sikap.membaca+di+sekolah&oq=#d=gs_qabs&t=1659758888865&u=%23p%3DlwmBWEStf1qJ
- Kumaresen, G. (2014, May 30). Kajian tindakan -aziah isu.
https://www.academia.edu/4761097/Kajian_tindakan_aziah_isu
- Mazlina Abdul Majid. (2020, May 27). Adaptasi Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Bidang Pendidikan. UMP News
<https://news.ump.edu.my/experts/adaptasi-pembelajaran-secara-maya-dalam-kebiasaan-baharu-bidang-pendidikan>
- Nurul Hidayah Adnan, Noorhayati Abdul Rahim & Siti Farisah. (2022). *Amalan Terbaik Pusat Sumber Sekolah* : Peranan Pusat Sumber Sekolah dalam Melaksanakan Aktiviti NILAM Untuk Meningkatkan Tahap Bacaan Murid (Paper presentation)] Kolokium Amalan Terbaik Pusat Sumber : Guru Perpustakaan dan Media Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Kedah.

- Omar, R. (n.d.). Program Membina Tabiat Membaca. [Www.academia.edu](http://www.academia.edu).
https://www.academia.edu/36709915/Program_Membina_Tabiat_Membaca
- Saleng, D. A. Z. (2014). Budaya Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. [Www.academia.edu](http://www.academia.edu).
https://www.academia.edu/48877162/Budaya_Membaca_Dalam_Kalangan_Murid_Sekolah_Rendah_Satu_Kajian_Kes
- Saleng, A. Z., & Dawi, A. H. (2020). Understanding Of Reading Culture And Practice Among Primary School Pupils. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(12), 72–81. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.312007>
- Zarina Malik. (2010). Modul Program Bacaan Nadi Ilmu Amalan (NILAM) Academia.edu; Pusat Kegiatan Guru Jeli.
https://www.academia.edu/40444204/Modul_Program_Bacaan_Nadi_Ilmu_Amalan_Membaca_NILAM